

27/12/2001

Rumah Terbuka Rakyat Malaysia Isnin ini

KUALA LUMPUR, Rabu - Kira-kira 100,000 warga kota berpeluang menjamu selera secara percuma sambil beramah mesra dengan pemimpin negara, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sempena Rumah Terbuka Rakyat Malaysia pada 31 Disember ini.

Majlis yang dikenali sebagai Pancawarna Malaysia itu akan diadakan di Dataran Merdeka bagi meraikan perayaan Aidilfitri, Krismas dan kedatangan tahun baru.

Pengerusi Bersama Pancawarna Malaysia, Datuk Khalid Yunus, berkata majlis yang pertama kali diadakan itu akan bermula jam 3 petang dan akan terus berlangsung hingga jam 1 pagi tahun baru sebelum diakhiri dengan persembahan hiburan dan kebudayaan.

"Majlis ini akan menyaksikan rakyat pelbagai kaum bergotong-royong menganjurkan rumah terbuka secara besar-besaran yang dihadiri pemimpin negara, termasuk Dr Mahathir dan anggota Kabinet lain serta wakil kedutaan asing.

"Sehubungan itu, semua warga kota dijemput memeriahkan majlis ini, sekali gus membuktikan kepada dunia bahawa kita mampu hidup aman dan harmoni dalam sebuah negara pelbagai kaum," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Khalid yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata, orang ramai yang menghadiri majlis itu diminta memakai pakaian tradisional masing-masing seperti baju Melayu dan baju kurung bagi orang Melayu, Cheongsam bagi Cina dan Sari bagi India.

"Ini bagi mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia, sekali gus menambah kemeriahan Rumah Terbuka Rakyat Malaysia," katanya.

Selain itu, katanya, orang ramai digalakkan membawa juadah sendiri untuk ditukarkan dengan juadah yang dibawa tetamu lain.

"Pihak menganjur akan menyediakan khemah dan tikar sepanjang 450 meter bagi memudahkan orang ramai duduk bersila sambil menjamu selera dan berkenalan dengan tetamu lain," katanya.

Selain menjamu selera, sebanyak 80 gerai sementara akan dibuka bagi menjual pelbagai barangan termasuk acara jualan amal untuk disumbangkan kepada badan kebajikan.

Tiga pentas iaitu Pentas Utama, Kebudayaan dan Terbuka akan dibina bagi diadakan persembahan kebudayaan seperti Rebana Ubi, Gendang Cina, Ghazal, Bhangra, Serunai India, Muzik Orang Asli dan Orang Buta, Tarian Singa dan pertandingan karaoke.

(END)